SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official

210



# Vaksin CanSino untuk pelarian di Malaysia

NAZRIN ZULKAFLI | | 21 Jun 2021




Read Next Story >



Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin semasa sidang media mengenai pelaksanaan fasa tiga Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi kawasan Lembah Klang yang akan bermula hari ini di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Nasional Bukit Jalil.␞ - Foto Bernama

A- A+

BUKIT JALIL - Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan vaksin jenama Cansino turut diberikan kepada golongan pelarian di negara ini.

Menurut beliau, vaksin yang dijangka tiba pada penghujung Julai itu hanya memerlukan satu dos.

“Ini kerana keadaan komuniti mereka yang sukar untuk kita akses,” katanya semasa sidang akhbar selepas meninjau Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pada 17 Jun, Khairy berkata, selain Kelantan dan kawasan pedalaman termasuk penempatan orang asli, kerajaan juga berhasrat membekalkan vaksin satu dos seperti CanSino kepada penduduk di pulau, Sabah dan Sarawak.

Mengulas mengenai PPV Stadium Bukit Jalil, Khairy berkata, sebanyak 10,000 dos akan disuntik kepada penerima setiap hari.

“Kapasiti pada hari pertama (Isnin) ialah 3,000 suntikan dan akan meningkat kepada 50 peratus dalam tempoh tiga hari. Dalam tempoh lebih seminggu akan beroperasi sepenuhnya iaitu 10,000 suntikan.

“Saya ucapkan tahniah kepada yang terlibat kerana tiada masalah besar. Terima kasih juga kepada Perbadanan Stadium Malaysia dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican kerana sediakan fasiliti ini,” ujarnya.

Selain itu, Khairy berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) perlu meningkatkan peranan dengan memastikan diskriminasi vaksin tidak berlaku kerana ada beberapa negara Eropah hanya membenarkan vaksin jenama Pfizer dan AstraZeneca sahaja.

PM umum bantuan PKP 3.0 malam ini

Read Next Story ›

“China juga akan terima vaksin daripada China sahaja iaitu Sinovac dan Sinopharm. Dunia perlu bersama, jika vaksin sudah diterima WHO, kita juga kena terima.

“Jika tidak, akan ada negara yang diskriminasi dengan vaksin yang diberi. Ini bukan caranya untuk kita keluar daripada pandemik ini,” katanya.

Paling Terkini: Harga saham Digi dan Axiata meningkat ×

vaksin Covid-19 pelarian

*Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang*

## Artikel Berkaitan

### Hospital swasta diguna sebagai pusat vaksinasi: Khairy

KUALA LUMPUR - Hospital swasta seperti Hospital Pantai telah digunakan sebagai pusat vaksinasi bagi petugas kesihatan swasta untuk Fasa 1 Program...

### 'Hanya vaksin Pfizer-BioNTech sesuai untuk ibu hamil'

**PM umum bantuan PKP 3.0 malam ini**

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Hanya vaksin jenis Pfizer-BioNTech sesuai diberikan kepada mereka yang hamil dengan tempoh kandungan berusia 14 hingga 33...

**Read Next Story ›**

### Program Imunisasi percuma dijangka rancakkan industri pelancongan

SHAH ALAM - Usaha kerajaan membenarkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dilakukan secara percuma dijangka menghidupkan kembali ekonomi...

### KJ kuarantin selepas jadi kontak rapat kes positif Covid-19

KUALA LUMPUR - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkanbeliau kini sedang menjalani kuarantin di rumah berikutan...

### 301,699 individu sudah terima dos pertama vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Seramai 301,699 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah menerima dos pertama vaksin setakat...

### 1,000 klinik dan hospital swasta jadi PPV sebelum akhir Jun ini

KUALA LUMPUR - Kerajaan meletakkan sasaran untuk menjadikan 1,000 klinik perubatan am swasta (GP) dan hospital swasta sebagai Pusat Pemberian Vaksin...


**Trick To Cut Electricity Bil**

This Device Can Save You Up To 90% In Your Next Electricity Bill

## TERKINI | POPULAR

1 Harga saham Digi dan Axiata meningkat

**PM umum bantuan PKP 3.0 malam ini**

2 Gesa RUU Gangguan Seksual dibentang pada sidang Parlimen...

Read Next Story >

3 Copa America: Chile tempah slot kalah mati

4 Ada 'pemain simpanan' UMNO sudah tandatangan...

5 ‘Kewangan kami lebih stabil’

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

**PM umum bantuan PKP 3.0 malam ini**

Read Next Story ›

PM umum bantuan PKP 3.0 malam ini

Read Next Story ›

Advertisement

**Apakah reaksi anda?**

Powered by Vuukle

| Gembira | Biasa Jer | Terhibur | Teruja | Marah | Sedih |
|---|---|---|---|---|---|
| 0% | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% |

**'rosedur yang mudah ini akan menghilangkan kesakitan keseluruhan badan. ;ubalah malam ini!**

**ERITA & SAINS MALAYSIA** | Sponsored

**Vanita ini meletakkan soda penaik pada ibu jari kakinya setiap hari, dan anda akan ıelakukannya juga**

**yHealthReads.com** | Sponsored

**Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.**

**ltra Fast Keto Boost** | Sponsored

**PM umum bantuan PKP 3.0 malam ini**

Read Next Story ›